

ANALISIS TINDAK TUTUR UCAPAN KONVOKESYEN NAIB CANSELOR UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

ALIEYSA HARUN

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Nuralieysa11@gmail.com

ZURAINI RAMLI*

Universiti Pendidikan Sultan Idris

zuraini@fbk.upsi.edu.my

**Pengarang Perantara*

ABSTRAK

Ucapan konvokesyen bukan sekadar acara akademik berprotokol tetapi kini menjadi wacana berpengaruh yang membentuk imej institusi, mencetus emosi kolektif, dan berfungsi sebagai komunikasi kepemimpinan. Kajian ini meneliti lakuan bahasa dalam ucapan Naib Canselor UPSI secara kritis untuk memahami kaedah strategi ilokusi membentuk penglibatan emosi, persepsi dan pemaknaan audiens dalam wacana rasmi institusi. Jurang penyelidikan wacana konvokesyen yang masih kurang dikaji walaupun mendapat perhatian luas di media sosial menjadi pemangkin kajian ini. Tiga teks ucapan dipilih melalui pensampelan mudah, iaitu mewakili konteks majlis, kehadiran tetamu kehormat dan tujuan retorik yang berbeza. Data dianalisis menggunakan pendekatan kualitatif menerusi analisis kandungan berasaskan kerangka Bach dan Harnish (1979), disusuli analisis tematik terhadap respons audiens bagi mengenal pasti unsur emosi serta konteks penerimaan ucapan. Dapatan menunjukkan variasi penggunaan lakuan arahan, pengumuman, pengakuan dan perjanjian yang berubah mengikut keperluan komunikasi majlis. Selain itu, reaksi audiens memperlihatkan emosi sebak, bangga, terharu, nostalgia dan penghargaan terhadap estetika bahasa serta kepimpinan penutur. Kajian ini memberi sumbangan secara signifikan kepada bidang pragmatik dengan memperjelas peranan lakuan bahasa sebagai instrumen kepemimpinan, wahana pembinaan hubungan sosial, serta mekanisme pembentukan emosi dalam ucapan rasmi pendidikan tinggi. Implikasi kajian dilihat dari segi membuka ruang penyelidikan baharu tentang wacana akademik sebagai pembina identiti institusi.

Kata kunci: komunikasi formal; lakuan bahasa; majlis konvokesyen; Teori Bach dan Harnish; Ucapan Naib Canselor UPSI

SPEECH ACT ANALYSIS OF THE VICE-CHANCELLOR'S CONVOCAATION ADDRESS AT SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

ABSTRACT

Convocation speeches are not merely formal academic events, but have now become influential discourses that shape institutional image, generates collective emotion, and serves as a form of leadership communication. This study examines the speech acts in the UPSI Vice-Chancellor's

speeches critically to understand how illocutionary strategies shape emotional engagement, perceptions, and audience meaning-making in official institutional discourse. The research gap in convocation discourse, which remains underexplored despite gaining wide attention on social media, becomes the driving force of this study. Three speech texts were selected through simple sampling, representing different contexts of the ceremony, the presence of distinguished guests, and differing rhetorical purposes. The data were analysed using a qualitative approach through content analysis based on the framework of Bach and Harnish (1979), followed by thematic analysis of audience responses to identify emotional elements and the context of speech reception. The findings show variations in the use of directive, announcement, acknowledgment, and commissive acts that shift according to the communicative needs of the ceremony. In addition, audience reactions display emotions of sadness, pride, being moved, nostalgia, and appreciation towards the aesthetics of language and the leadership of the speaker. This study contributes significantly to the field of pragmatics by clarifying the role of speech acts as instruments of leadership, vehicles for building social relationships, and mechanisms for constructing emotion in official higher education speeches. The implications of the study can be seen in terms of opening new spaces for research on academic discourse as a builder of institutional identity.

Keywords: formal communication; speech acts; convocation ceremony; Bach and Harnish Theory; UPSI Vice Chancellor's speeches

PENGENALAN

Bahasa merupakan medium komunikasi utama yang membolehkan manusia menyampaikan idea, pemikiran, dan emosi secara berkesan. Penyampaian sesuatu ujaran oleh penutur bukan sekadar menyampaikan maklumat, malah terdapat niat di sebalik komunikatif penutur. Antaranya adalah untuk membuat pernyataan, pertanyaan, memberikan arahan, dan membuat perjanjian (Aminnudin Saimon, 2021). Dalam konteks ini, konsep lakuan bahasa merujuk tindakan yang dilakukan melalui ujaran yang mengandungi maksud dan niat tertentu yang mempengaruhi penerima mesej.

Lakuan bahasa merupakan aspek penting dalam kajian pragmatik yang menekankan hubungan antara ujaran dengan tindakan yang ingin dicapai penutur. Menurut Searle (1969), setiap pertuturan mengandungi tindakan tertentu sama ada dalam bentuk pernyataan, permintaan, perintah, atau janji. Dalam konteks ucapan rasmi terutamanya ucapan konvokesyen, lakuan bahasa menjadi wahana utama penyampaian mesej, pembinaan emosi, dan pengukuhan hubungan antara penyampai dengan khalayak. Keberkesanan sesebuah ucapan bergantung pada pemilihan kata, struktur ujaran, dan strategi komunikasi yang digunakan untuk mempengaruhi pendengar.

Lakuan bahasa dapat dilihat secara jelas melalui majlis konvokesyen. Majlis konvokesyen sebagai acara akademik tertinggi universiti bukan sahaja berperanan meraikan pencapaian graduan malah menjadi platform penyampaian mesej institusi, nilai, dan aspirasi masa hadapan. Ucapan yang disampaikan oleh Naib Canselor dalam majlis ini lazimnya mengandungi pelbagai bentuk lakuan bahasa yang bertujuan memotivasikan graduan serta mengeratkan hubungan dengan masyarakat. Ucapan graduasi sering menggunakan strategi persuasif dan bahasa emotif bagi membangkitkan semangat pendengar (Kurdistan Rafiq dan Roberta Youel, 2024). Dalam kajian mereka, sistem dokumentasi lakuan bahasa dianalisis melalui kaedah campuran yang membolehkan pengumpulan data dilakukan secara

komprehensif, manakala teori pemujukan Connor dan Lauer (1985) digunakan sebagai kerangka analisis untuk menilai strategi penyampaian mesej secara lebih terperinci. Penggunaan metodologi ini mengukuhkan pemahaman tentang kaedah lakuan bahasa berfungsi dalam ucapan konvokesyen sebagai wahana pembentukan persepsi dan motivasi pendengar.

Ucapan Naib Canselor UPSI semasa majlis konvokesyen semakin relevan sebagai kajian lakuan bahasa kerana mendapat perhatian meluas melalui media sosial, khususnya TikTok. Video pendek yang memaparkan petikan ucapan beliau mendapat perhatian daripada graduan, kakitangan universiti, dan masyarakat umum. Setiap ucapan yang dituturkan mengandungi mesej tersirat beserta pengukuhan emosi menjadikan lakuan bahasa sebagai wadah untuk mengekspresikan perasaan yang mendalam. Menurut laporan Suara Merdeka bertarikh 28 November 2023, ucapan beliau dianggap sarat pesanan yang menyentuh jiwa, menandakan bahawa penggunaan bahasa beliau bukan sekadar formaliti, tetapi berfungsi sebagai medium ekspresi nilai, emosi, dan motivasi. Hal ini menunjukkan bahawa lakuan bahasa beliau dirangka secara kontekstual dan berlandaskan kebudayaan serta menjadikan ucapan tersebut sesuai untuk dianalisis terutamanya pembentukan emosi dan persepsi audiens.

Oleh itu, artikel ini bertujuan menganalisis lakuan bahasa dalam ucapan Naib Canselor UPSI semasa majlis konvokesyen berasaskan Teori Bach dan Harnish (1979), dengan fokus untuk mengenal pasti jenis-jenis lakuan bahasa serta unsur emosi dan konteks yang mempengaruhi penyampaian mesej. Kajian ini dicetuskan oleh pemerhatian bahawa ucapan rasmi semakin mendapat perhatian melalui media sosial namun kajian akademik yang meneliti kaedah lakuan bahasa membentuk persepsi dan motivasi pendengar dalam konteks rasmi universiti masih terhad. Kekurangan penelitian ini turut disokong oleh Warsidi, Syakila dan Dahniar (2023) yang menegaskan bahawa walaupun bidang pragmatik semakin berkembang, kajian empirikal yang meneliti peranan lakuan bahasa dalam ucapan yang membangkitkan motivasi masih kurang diberikan perhatian. Permasalahan ini menekankan keperluan untuk memahami strategi komunikasi pemimpin universiti secara sistematik bagi memastikan mesej disampaikan dengan berkesan.

PENYATAAN MASALAH

Lakuan bahasa (LB) merujuk ujaran yang melambangkan suatu perbuatan dengan makna tertentu dan dihubungkan dengan perlakuan khusus. Dalam konteks ucapan rasmi seperti majlis konvokesyen, LB menjadi medium penting penyampaian maklumat, pendidikan, dan nilai budaya. Namun, keberkesanan penyampaian lakuan bahasa sering terjejas akibat kekangan penglibatan emosi, terutamanya apabila gaya bahasa terlalu formal atau teknikal, mesej tidak disesuaikan dengan latar audiens, dan konteks ucapan tidak mencerminkan keperluan semasa. Kekangan ini boleh mengurangkan keterhubungan audiens dengan mesej, menurunkan minat, dan mengurangkan impak komunikasi.

Kajian lepas menekankan kepentingan elemen emosi dan pemilihan bahasa yang sesuai, seperti Farah Hanini Abdul Rahman et al. (2021) dan Rahim Md. Yasin (2016), tetapi tidak meneliti cara lakuan bahasa dapat diorientasikan untuk meningkatkan penglibatan emosi audiens secara efektif. Begitu juga, Azlina Kamaruddin (2017) menunjukkan bahawa kegagalan komunikasi pembujukan berpunca daripada ketidakmampuan mengaitkan mesej dengan pengalaman audiens, tetapi kajiannya tidak menyediakan pendekatan praktikal penggunaan lakuan bahasa untuk membina keterlibatan emosi. Abd Ganing Laengkang (2021) pula meneliti kategori lakuan bahasa tanpa mengkaji implikasi strategiknya terhadap respons emosi pendengar.

Selain itu, kerencaman bentuk lakuan bahasa dalam teks ucapan boleh menyukarkan audiens memahami hajat komunikatif penutur, sekaligus menghalang penyampaian maklumat dan pengukuhan emosi yang tepat. Walaupun Aminudin Saimon (2021) mendapati lakuan bahasa arahan mampu mempengaruhi tingkah laku dan emosi pendengar, kajian yang terhad pada satu kategori lakuan sahaja masih tidak memberikan gambaran menyeluruh tentang strategi LB untuk meningkatkan penglibatan emosi dan motivasi audiens.

Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk menjadikan penglibatan emosi sebagai fokus utama dengan menganalisis pelbagai jenis lakuan bahasa, khususnya pengumuman, arahan, pengakuan, dan perjanjian dalam ucapan Naib Canselor UPSI semasa majlis konvokesyen. Analisis ini diharap dapat memperjelas strategi penggunaan LB yang berkesan untuk membangkitkan emosi, mempengaruhi persepsi, dan meningkatkan impak komunikasi dalam wacana rasmi universiti, sekaligus mengisi jurang kajian terdahulu yang kurang memberi tumpuan kepada aspek emosi.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk:

- i. Menenal pasti lakuan bahasa yang digunakan oleh Naib Canselor ketika majlis konvokesyen Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- ii. Menganalisis lakuan bahasa yang digunakan oleh Naib Canselor UPSI ketika majlis konvokesyen Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menggunakan pengkategorian Bach dan Harnish (1979).
- iii. Menilai unsur emosi serta konteks penerimaan pendengar terhadap ucapan konvokesyen Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

KAJIAN LITERATUR

Kajian berkaitan lakuan bahasa telah dijalankan dalam pelbagai domain menggunakan kerangka teori yang berbeza-beza. Aminudin Saimon, Lisa Licson, Nur Aisyah Mohamad Taufek, Siti Hajar, dan Siti Nor Asmira (2021) meneliti lakuan bahasa arahan dalam teks ucapan Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Empat teks ucapan daripada fasa PKP pertama hingga keempat dianalisis menggunakan kerangka Bach dan Harnish (1979). Hasil kajian menunjukkan dominasi lakuan arahan untuk menegaskan kuasa, mempengaruhi pendengar, dan menyelaraskan tindakan dengan niat komunikatif pengucap.

Kemudian, kajian oleh Zanariah Ibrahim, Maslida Yusof, dan Karim Harun (2017) pula meneliti lakuan bahasa direktif guru pelatih Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dalam komunikasi bilik darjah semasa pengajaran Bahasa Melayu. Data dikumpul melalui rakaman komunikasi tiga guru pelatih tahun akhir, kemudian ditranskripsikan dan dianalisis menggunakan teori Bach dan Harnish (1979). Dapatan menunjukkan subkategori “keperluan” sebagai bentuk arahan paling dominan, menggambarkan ketegasan guru dalam mengawal situasi PdP.

Abdul Karim Fadhil (2018) menjalankan kajian lakuan pertuturan dalam ucapan akhir tahun beberapa sekolah menengah menggunakan teori Searle (1969). Kajian kualitatif ini mengenal pasti kategori asertif, komisif, arahan, deklaratif, dan ekspresif dalam teks ucapan. Hasilnya menunjukkan lakuan arahan paling kerap digunakan, diikuti oleh asertif dan deklaratif yang berfungsi menyampaikan maklumat serta mengukuhkan mesej pengucap.

Kajian oleh Aminudin Saimon (2021) memfokuskan dialog dalam empat filem Melayu klasik iaitu Semerah Padi, Hang Jebat, Seri Mersing, dan Lancang Kuning menggunakan Teori

Searle (1969). Analisis teks secara kualitatif mendapati lakuan asertif paling banyak digunakan, diikuti direktif dan ekspresif. Terdapat juga kajian oleh Zanariah Ibrahim, Zalifah Sidek, Mohd Hamry Ismail, Zaiton Arshad, dan Zulaili Bahador (2022) yang meninjau impak lakuan bahasa dalam komunikasi universiti menggunakan teori Bach dan Harnish (1979). Perbualan staf sokongan di UTeM ditranskripsi, kemudian soal selidik diberikan bagi menilai impak arahan dan perjanjian daripada pihak atasan. Hasil menunjukkan bahawa kedua-dua kategori ini memainkan peranan penting dalam menggerakkan motivasi staf bawahan.

Dalam kajian politik, Harshita Aini Haroon, Noor Asliza, Noriha Basir, dan Zaliza Zubir (2020) menganalisis ucapan Dato Seri Dr. Zahid Hamidi sebelum dan selepas PRU14 menggunakan teori Bach dan Harnish (1979). Hasil kajian mendapati semua kategori lakuan iaitu pengumuman, arahan, perjanjian, dan pengakuan digunakan. Namun begitu, perbezaannya terletak pada konteks politik yang mempengaruhi strategi bahasa. Kajian oleh Abd Ganing Laengkang, Rohaidah Haron, dan Ab Razak Karim (2019) pula meneliti lakuan ekspresi Tun Dr. Mahathir dalam 40 artikel berkaitan isu 1MDB. Walaupun lima kategori lakuan dikenal pasti, analisis memberikan tumpuan kepada ekspresi seperti bimbang, hairan, ucapan selamat, kehendak, enggan, minta maaf, dan terima kasih yang didapati paling sedikit digunakan.

Kebanyakan kajian memberi perhatian kepada satu kategori lakuan bahasa atau medium tertentu seperti ucapan politik, khutbah, PdP, dan filem. Namun, kajian yang meneliti ucapan konvokesyen masih terhad khususnya dari sudut kaedah lakuan bahasa membina emosi audiens. Walaupun ucapan konvokesyen bertujuan memberi apresiasi dan membina hubungan simbolik antara universiti dan graduan, aspek penyampaian emosi, pengaruh konteks, dan kesesuaian lakuan bahasa dengan latar audiens masih kurang diberikan perhatian. Jurang ini menjadi lebih ketara apabila sebahagian ucapan konvokesyen bersifat terlalu formal sehingga mengurangkan daya tarikan emosi. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk mengisi kekosongan tersebut dengan menganalisis pelbagai bentuk lakuan bahasa dalam ucapan Naib Canselor UPSI, termasuk cara lakuan bahasa menyumbang kepada pembinaan hubungan emosi antara pengucap dan audiens.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan menumpukan kepada analisis kandungan teks. Sumber data terdiri daripada ucapan Naib Canselor UPSI, iaitu Profesor Dato' Dr. Md Amin bin Md Taff. Tiga istiadat konvokesyen berbeza dipilih iaitu, Konvokesyen ke-23 Sesi 4, Konvokesyen ke-24 Sesi 2 dan Konvokesyen ke-25 Sesi 1. Konvokesyen UPSI berlangsung selama beberapa hari dan merangkumi enam hingga lapan sesi. Setiap sesi menampilkan tema ucapan yang berbeza mengikut fokus audiens dan tujuan majlis. Pemilihan tiga sesi ini melalui pensampelan mudah memfokuskan variasi konteks, tema ucapan dan kehadiran tetamu kehormat, sekali gus membolehkan analisis perbandingan dijalankan secara sistematik. Kaedah ini juga efisien selaras dengan cadangan Creswell (2014) dan Neuman (2011) untuk penyelidikan kualitatif.

Data dianalisis menggunakan Teori Lakuan Bahasa Bach dan Harnish (1979) bagi mengenal pasti kategori lakuan bahasa seperti arahan, pengumuman, pengakuan dan perjanjian. Analisis tematik turut digunakan untuk meneliti unsur emosi serta konteks penerimaan audiens. Pandangan pendengar dianalisis mengikut tema seperti motivasi, apresiasi, aspirasi universiti dan nilai kemanusiaan bagi mengenal pasti pola emosi, strategi komunikasi dan kesan perlokusi. Pendekatan gabungan ini memberikan gambaran ringkas tetapi menyeluruh tentang kaedah lakuan bahasa menyumbang kepada keberkesanan ucapan konvokesyen.

Kaedah analisis kandungan

Kajian ini merupakan kajian kualitatif sepenuhnya dengan tumpuan kepada analisis kandungan teks. Analisis kandungan dijalankan terhadap teks ucapan Naib Canselor UPSI yang diperoleh daripada tiga sesi istiadat konvokesyen berbeza, iaitu Konvokesyen ke-23 Sesi 4, Konvokesyen ke-24 Sesi 2, dan Konvokesyen ke-25 Sesi 1. Analisis kandungan dilakukan secara kualitatif dengan menekankan proses pengekodan, pengelompokan tema, dan pengkategorian lakuan bahasa berdasarkan kerangka teori Bach dan Harnish (1979).

Pendekatan analisis kandungan digunakan merujuk kepada kaedah Krippendorff (2013) dan Berelson (1952), yang menekankan pemahaman mendalam terhadap makna teks, pengkategorian unit analisis, serta pengekodan berstruktur bagi mengenal pasti tema-tema utama. Dalam kajian ini, setiap ayat atau frasa ditranskripsikan secara verbatim, sebelum dikodkan mengikut kategori tertentu seperti arahan, pengumuman, pengakuan, dan perjanjian. Kod seperti [T1NC, A1] digunakan untuk merujuk ucapan daripada sesi tertentu, membolehkan pengelompokan data mengikut tema dijalankan secara sistematik dan telus. Pendekatan ini membolehkan penilaian yang lebih mendalam terhadap strategi lakuan bahasa serta kesannya terhadap audiens dalam konteks majlis konvokesyen.

JADUAL 1. Data Kajian

Istiadat Konvokesyen Ke- 23 (Sesi 4)	Istiadat Konvokesyen Ke- 24 (Sesi 2)	Istiadat Konvokesyen Ke- 25 (Sesi 1)
[T1NC, A1]	[T2NC, A1]	[T3NC, A1]
[T1NC, A2]	[T2NC, A2]	[T3NC, A2]
[T1NC, A3]	[T2NC, A3]	[T3NC, A3]
[T1NC, A4]	[T2NC, A4]	[T3NC, A4]

Data telah disusun berdasarkan kandungan ucapan yang mengandungi lakuan bahasa dan dilabelkan dengan kod bagi memudahkan proses pengenalanpastian data. Misalnya, kod [T1NC, A1]; T1 merujuk kepada teks pertama, NC merujuk kepada ucapan Naib Canselor dan A1 merujuk kepada ayat 1 dan begitulah seterusnya. Kajian ini menggunakan 87 ayat yang diujarkan oleh Naib Canselor ketika majlis konvokesyen.

Data dianalisis menggunakan Teori Bach dan Harnish (1979) bagi mengenal pasti kategori lakuan bahasa seperti arahan, pengumuman, pengakuan, dan perjanjian, dengan penekanan pada kosa kata, frasa, dan kata kerja yang menzahirkan tindakan komunikatif (Searle, 1969). Analisis tematik turut digunakan untuk mengenal pasti tema ucapan seperti motivasi, apresiasi, aspirasi universiti dan nilai kemanusiaan, serta unsur emosi audiens. Data emosi diperoleh daripada respons audiens di platform media sosial rasmi UPSI (*Facebook, Instagram, YouTube*). Respons dianalisis secara tematik dengan menandakan kata, frasa, atau simbol yang menunjukkan emosi, mengelompokkan mengikut kategori seperti bangga, sebak, terharu, dan penghargaan dan memadankan dengan konteks ucapan untuk menilai kesan perlokusi. Seseengah ilokusi juga dikenalpasti melalui istilah atau ayat mudah difahami, sementara konteks dunia sebenar menambah makna wacana (Indirawati Zahid, 2022; Abd Ganing Laengkang et al., 2019). Pendekatan ini membolehkan pemahaman menyeluruh tentang cara lakuan bahasa menyampaikan mesej, membina emosi, dan meningkatkan keberkesanan ucapan konvokesyen.

Setiap pandangan pendengar dikodkan secara sistematik untuk memudahkan analisis respons terhadap ucapan. Pengekodan dilakukan mengikut platform (*Youtube, Tiktok dan Facebook*), teks dan kategori tema. Contohnya, *YT-TI-P* merujuk kepada pandangan pendengar

daripada *Youtube* menerusi teks pertama dalam kategori perasaan/emosi. Pola utama yang dikenal pasti termasuk emosi pendengar (sebak, bangga, terharu), keindahan bahasa dan retorik, nilai dan nasihat kehidupan, nostalgia dan identiti UPSI, serta penghargaan dan kepimpinan Naib Canselor. Pendekatan ini membolehkan kajian memberikan gambaran menyeluruh tentang interaksi antara teks ucapan dan tindak balas audiens.

Kerangka Teoritis Kajian

Kerangka teori lakuan bahasa Bach dan Harnish (1979) mengagaskan kategori dan subkategori bagi memperlihatkan ilokusi bahasa yang digunakan oleh penutur mahupun penulis atau penyampai dalam komunikasi. Bach dan Harnish (1979) telah mengemukakan empat kategori ilokusi bahasa, iaitu pengumuman, arahan, perjanjian dan pengakuan. Kategori arahan mengandungi tujuh subkategori, kategori perjanjian mengandungi dua subkategori, kategori pengumuman mengandungi 14 subkategori manakala kategori pengakuan mengandungi tujuh subkategori sebagaimana yang diperincikan dalam Rajah 1 berikut:

Lakuan Bahasa Bach dan Harnish (1979)			
PENGUMUMAN	ARAHAN	PERJANJIAN	PENGAKUAN
<ul style="list-style-type: none"> • Pernyataan • Ramalan • Deskriptif • Penyebab • Makluman • Pengesahan • Pengakuan • Pembetulan • Penerimaan • Bantahan • Perdebatan • Maklum balas • Cadangan • Andaian 	<ul style="list-style-type: none"> • Permintaan • Pertanyaan • Keperluan • Larangan • Permisif • Nasihat 	<ul style="list-style-type: none"> • Janji • Tawaran 	<ul style="list-style-type: none"> • Memohon Maaf <ul style="list-style-type: none"> • Simpati • Tahniah • Sapaan • Terima Kasih <ul style="list-style-type: none"> • Terima • Tolak • Minta

RAJAH 1. Klasifikasi Lakuan Bahasa Bach dan Harnish (1979)

Berdasarkan Rajah 1, kerangka analisis yang diperkenalkan oleh Bach dan Harnish (1979) memperlihatkan tahap perincian yang lebih menyeluruh kerana mengemukakan beberapa subkategori bagi setiap jenis ilokusi bahasa. Pendekatan ini bukan sahaja mengukuhkan pemahaman terhadap tindak tutur, bahkan memberikan gambaran yang lebih sistematik dalam mengklasifikasikan ujaran yang berlaku dalam pelbagai bentuk komunikasi. Dalam konteks kajian ini, kerangka tersebut dilihat sesuai untuk diaplikasikan dalam penganalisan ucapan rasmi, khususnya ucapan semasa majlis konvokesyen. Ucapan konvokesyen secara umumnya sarat dengan pelbagai bentuk ilokusi bahasa seperti pernyataan penghargaan kepada pihak universiti, ibu bapa, pensyarah dan graduan, selain mengandungi bentuk nasihat, dorongan, dan motivasi kepada graduan yang diraikan. Oleh sebab itu, penggunaan kerangka Bach dan Harnish (1979) membolehkan setiap ujaran ini dikategorikan

dengan lebih tepat, kerana setiap subkategori ilokusi bahasa menyediakan ruang analisis yang terperinci tanpa bergantung kepada andaian.

Sehubungan itu, pemilihan kerangka Bach dan Harnish (1979) bagi menganalisis 87 ujaran ucapan konvokesyen dalam kajian ini dianggap signifikan kerana kerangka ini bukan sahaja menyediakan asas teoritikal yang kukuh, malah memudahkan proses pengkategorian ujaran berdasarkan kejelasan subkategori yang telah ditentukan. Dengan demikian, analisis yang dilakukan mampu memberi gambaran yang lebih mendalam tentang kepelbagaian fungsi bahasa dalam ucapan rasmi akademik, sekali gus memperkayakan perbincangan ilmiah berkaitan peranan ilokusi bahasa dalam wacana majlis istiadat (Harshita Aini Haroon et al., 2020).

DAPATAN KAJIAN

Bagi memberikan gambaran yang lebih jelas tentang penggunaan lakuan bahasa dalam ucapan Naib Canselor UPSI, dapatan kajian berikut memperlihatkan kekerapan dan variasi lima jenis lakuan bahasa yang dikenal pasti melalui analisis kandungan. Data ini menekankan dominasi kategori tertentu serta memberikan asas untuk memahami strategi komunikasi, penglibatan emosi, dan kesan perlokusi terhadap audiens dalam majlis konvokesyen.

JADUAL 2. Kekerapan lima jenis lakuan bahasa

Jenis lakuan	Teks konvokesyen					
	Istiadat Konvokesyen ke - 23 sesi 4		Istiadat Konvokesyen ke - 24 sesi 2		Istiadat Konvokesyen ke - 25 sesi 1	
	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus
Arahan	26	47.3	35	49.3	5	8.9
Pengumuman	20	36.4	14	19.7	31	55.4
Pengakuan	9	16.4	21	29.6	20	35.7
Perjanjian	-	-	1	1.4	-	-
Jumlah	55	100	71	100	56	100

Berdasarkan Jadual 2, analisis menunjukkan bahawa kekerapan penggunaan lakuan bahasa bergantung pada konteks majlis dan kehadiran tetamu kehormat. Dalam Istiadat Konvokesyen ke-23, lakuan arahan paling dominan (47.3%) kerana fokus ucapan lebih kepada memberikan saranan kepada graduan. Sebaliknya, dalam Istiadat Konvokesyen ke-24, lakuan pengakuan meningkat (29.6%) kerana ucapan lebih menekankan penghargaan kepada Pro Canselor yang hadir. Dalam Istiadat Konvokesyen ke-25, lakuan pengumuman paling tinggi (55.4%) kerana kehadiran Canselor mengubah fokus ucapan kepada pencapaian universiti dan pengiktirafan antarabangsa. Kesimpulannya, jenis dan kekerapan lakuan bahasa dalam ucapan konvokesyen dipengaruhi oleh konteks majlis serta tujuan komunikasi Naib Canselor dalam menyampaikan mesej kepada audiens.

Analisis menunjukkan bahawa jenis lakuan bahasa yang digunakan dalam teks konvokesyen berbeza mengikut struktur majlis dan kehadiran tetamu kehormat. Lakuan bahasa arahan paling dominan dalam Istiadat Konvokesyen ke-24 Sesi 2, manakala lakuan pengumuman banyak digunakan dalam Istiadat Konvokesyen ke-25 Sesi 1. Lakuan pengakuan pula menonjolkan perasaan syukur dan penghormatan, sementara lakuan perjanjian paling kurang digunakan. Dapatan ini menunjukkan bahawa ujaran dalam ucapan konvokesyen dipilih secara strategik untuk memastikan keberkesanan komunikasi dalam

konteks rasmi. Lakuan bahasa arahan didapati mendominasi dua majlis awal, iaitu ke-24 sesi 2 (49.3%) dan ke-23 sesi 4 (47.3%), namun menurun secara mendadak pada ke-25 sesi 1 (8.93%). Keadaan ini menunjukkan bahawa LB arahan lebih kerap digunakan apabila majlis tidak dihadiri tetamu diraja atau delegasi berprofil tinggi, sekali gus memberi ruang kepada penutur untuk menyampaikan panduan secara langsung kepada graduan.

Kategori dan Subkategori Lakuan Arahan

JADUAL 3. Subkategori lakuan bahasa arahan

Subkategori	Ujaran
Permintaan	1. Saya ingin menyeru agar anak kandung suluh budiman yang bakal bergraduasi hari ini untuk terus bersemangat waja, berani mencuba sesuatu yang baharu, dan mewakafkan diri untuk membina nusa dan bangsa walaupun tiada jalan pintas untuk berkelana, meneroka segala liku untuk berjaya. (T2NC, A22)
Keperluan	1. Kita berikan tepukan kepada mantan-mantan Naib Canselor dan pemimpin-pemimpin UPSI ini. (T1NC, A67) 2. Pada mereka, kita taburkan jasa. (T2NC, A59)
Larangan	1. Jangan sesekali berputus asa walau berkali-kali kalian jatuh, bangkit dan bangkit semula kerana sejarah dunia telah membuktikan bahawa mereka yang berani bangkit pasti akan menjadi insan berjaya. (T2NC, A56)
Nasihat	1. Pelbagai cabaran tak henti menanti tiba, jatuh, gagal, sedih, merana yang kuat akan berjaya, yang mengalah takkan kemana-mana. (T1NC, A77)

Jadual 3 menunjukkan contoh bagi setiap subkategori lakuan bahasa arahan yang digunakan oleh Naib Canselor bagi ketiga-tiga konvokesyen. Analisis lakuan bahasa arahan dalam teks konvokesyen mendapati bahawa terdapat empat subkategori utama yang digunakan oleh Naib Canselor iaitu permintaan, keperluan, larangan dan nasihat.

Ayat "*Saya ingin menyeru agar Anak Kandung Suluh Budiman yang bakal bergraduasi hari ini untuk terus bersemangat waja, berani mencuba sesuatu yang baharu, dan mewakafkan diri untuk membina nusa dan bangsa walaupun tiada jalan pintas untuk berkelana, meneroka segala liku untuk berjaya*" merupakan contoh lain bagi ujaran lakuan permintaan. Ayat ini termasuk dalam lakuan permintaan kerana Naib Canselor ingin memberikan inspirasi jangka panjang kepada graduan. Ayat tersebut berfungsi sebagai peringatan kepada graduan bahawa mereka adalah harapan masyarakat dan individu yang akan mencipta perubahan. Ayat tersebut berfungsi sebagai peringatan kepada graduan bahawa mereka adalah harapan masyarakat dan individu yang akan mencipta perubahan. Hal ini selaras dengan teori Bach dan Harnish (1979) yang menekankan bahawa setiap penutur menggunakan ujaran dengan niat tertentu untuk mempengaruhi pendengar agar menerima, memahami, dan mengamalkan nilai yang disampaikan. Dalam konteks ini, Naib Canselor meminta supaya graduan bersemangat waja serta dedikasi dalam membangunkan nusa dan bangsa.

Subkategori keperluan pula menekankan tindakan yang perlu dilakukan untuk mencapai tujuan tertentu, seperti dalam ayat "*Kita berikan tepukan kepada mantan-mantan Naib Canselor dan pemimpin-pemimpin UPSI ini*". Konteks ayat ini sebenarnya bertujuan untuk menyeru audiens bagi memberikan tepukan kepada individu yang telah berjaya sebagai

tanda penghargaan dan pengiktirafan. Frasa ringkas telah digunakan oleh Naib Canselor, iaitu *"kita berikan tepukan"* supaya audiens memahami tindakan yang dihasratkan oleh penutur. Tindakan memberikan tepukan menunjukkan penghormatan kepada mantan-mantan Naib Canselor dan pemimpin-pemimpin UPSI, yang telah memberikan sumbangan besar kepada institusi tersebut.

Ayat *"pada mereka, kita taburkan jasa"* termasuk dalam lakuan keperluan kerana penuturnya memberikan komitmen terhadap suatu tindakan yang melibatkan janji atau tanggungjawab moral untuk melaksanakan sesuatu kepada pihak lain. Konteks ayat ini sebenarnya diungkapkan oleh Naib Canselor supaya graduan berjasa kepada ibu bapa setelah bekerja kerana mereka merupakan insan yang banyak berkorban sepanjang tempoh pengajian. Oleh itu, interpretasi graduan terhadap ayat ini ialah kesedaran untuk mengembangkan potensi. Graduan mungkin menganggap ayat ini sebagai motivasi untuk menggunakan kejayaan mereka sebagai platform untuk memberikan impak yang lebih besar kepada orang lain. Ungkapan *"kita"* ditegaskan oleh Naib Canselor mencerminkan tanggungjawab bersama untuk melaksanakan tindakan tersebut.

Seterusnya, subkategori larangan sebahagian daripada lakuan bahasa arahan yang bertujuan untuk mencegah pendengar daripada melakukan sesuatu tindakan yang dianggap tidak wajar berdasarkan teori Bach dan Harnish (1979). Ayat *"Jangan sesekali berputus asa walau berkali kalian jatuh, bangkit dan bangkit semula kerana sejarah dunia telah membuktikan bahawa mereka yang berani bangkit pasti akan menjadi insan berjaya"* tergolong dalam lakuan bahasa larangan kerana secara jelas mengandungi unsur larangan, iaitu penegahan terhadap sesuatu tindakan seperti berputus asa. Penggunaan perkataan jangan ialah ciri utama larangan kerana secara langsung melarang tindakan tertentu. Naib Canselor dengan tegas meminta pendengar iaitu graduan supaya tidak menyerah walaupun menghadapi kesukaran atau kegagalan.

Akhir sekali, subkategori nasihat memberikan panduan atau saranan kepada pendengar dengan tujuan meningkatkan kesejahteraan mereka. Menurut teori Bach dan Harnish (1979), lakuan nasihat termasuk dalam kategori arahan kerana setiap ayat dituturkan dengan niat untuk membantu pendengar melakukan sesuatu yang dianggap baik tanpa unsur paksaan. Ayat *"Pelbagai cabaran tak henti menanti tiba, jatuh, gagal, sedih, merana yang kuat akan berjaya, yang mengalah takkan kemana-mana"* jelas menunjukkan lakuan nasihat. Hal ini kerana penuturnya iaitu Naib Canselor menyampaikan panduan atau dorongan kepada pendengar untuk tabah dalam menghadapi cabaran hidup. Hal ini selaras dengan prinsip lakuan tutur yang menyatakan bahawa lakuan nasihat tergolong dalam kategori arahan, iaitu penutur memberikan saranan atau cadangan dengan tujuan membantu pendengar mencapai sesuatu yang lebih baik. Naib Canselor memberi penekanan terhadap konsep *"yang kuat akan berjaya, yang mengalah takkan kemana-mana"* bertujuan untuk memberi peringatan dan motivasi kepada pendengar bahawa ketabahan adalah kunci kejayaan, manakala sikap mudah mengalah akan membawa kegagalan. Pendengar iaitu graduan memahami bahawa ayat ini bukan sahaja menyampaikan fakta tetapi juga sebagai panduan dalam menentukan masa depan mereka.

Kategori dan Subkategori Pengumuman

JADUAL 4. Subkategori lakuan bahasa pengumuman

Subkategori	Ujaran
Penyataan	1. UPSI tidaklah sesempurna mana. (T1NC, A75)

Laporan	1. Yang berusaha, Profesor Madya Dr. Nor Khalid Bin Salimin, Timbalan Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni yang juga merupakan alumni UPSI tahun 2000. (T1NC, A8)
Ramalan	1. UPSI dianggarkan menyumbangkan sebanyak RM400 juta ringgit Malaysia setahun kepada ekonomi negeri Perak Darul Redzuan. (T3NC, A48)
Makluman	1. Bank dunia telah mengunjurkan bahawa kemelesetan ekonomi akan melanda segenap dunia tidak lama lagi. (T2NC, A41)
Pengakuan	1. Setelah bergraduasi, adik adik berkemungkinan akan menghadapi situasi yang mencabar. (T2NC, A42)

Jadual 4 menunjukkan contoh bagi setiap subkategori lakuan bahasa pengumuman yang digunakan oleh Naib Canselor bagi ketiga-tiga konvokesyen. Analisis lakuan bahasa pengumuman dalam teks konvokesyen mendapati bahawa terdapat lima subkategori utama yang digunakan oleh Naib Canselor iaitu pernyataan, laporan, ramalan, makluman dan pengakuan.

Berdasarkan Teori Bach dan Harnish (1979), lakuan pernyataan termasuk dalam kategori pengumuman iaitu ujaran yang bertujuan menyampaikan fakta, maklumat atau pandangan yang dipercayai benar oleh penutur dan bertujuan untuk difahami oleh pendengar. Sebagai contoh, ayat “*UPSI tidaklah sesempurna mana*” tergolong dalam lakuan pernyataan kerana ayat itu bertujuan untuk memberikan maklumat atau pandangan secara eksplisit tentang keadaan institusi UPSI. Ayat tersebut menyatakan pengakuan Naib Canselor bahawa UPSI mempunyai kelemahan atau ketidaksempurnaan tertentu. Ujaran ini digunakan untuk menjelaskan bahawa sebarang kelemahan tidak mengurangkan nilai atau sumbangan penting UPSI kepada masyarakat. Ayat ini berfungsi sebagai refleksi realistik yang mendorong pendengar untuk menerima keadaan tersebut dengan sikap terbuka dan positif.

Seterusnya, subkategori laporan yang merupakan sebahagian daripada lakuan bahasa pengumuman. Contoh ujaran yang menunjukkan subkategori laporan ialah, “*Yang berusaha, Profesor Madya Dr. Nor Khalid Bin Salimin, Timbalan Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni yang juga merupakan alumni UPSI tahun 2000*”. Subkategori laporan merujuk kepada ujaran yang menjelaskan keadaan, status, atau fakta berkaitan sesuatu pihak dan peristiwa. Jadi, ayat ini jelas menunjukkan status Profesor Madya Dr. Nor Khalid termasuk kedudukan dan kaitannya dengan UPSI. Maklumat ini bertujuan memperkukuh kredibiliti dan penghormatan terhadap individu tersebut. Oleh itu, penutur iaitu Naib Canselor telah menyatakan ayat tersebut untuk membentuk kepercayaan graduan serta hadirin kepada individu yang disebutkan.

Ayat “*UPSI dianggarkan menyumbangkan sebanyak RM400 juta ringgit Malaysia setahun kepada ekonomi negeri Perak Darul Redzuan*” merupakan ujaran yang termasuk dalam subkategori ramalan. Menurut Bach dan Harnish (1979), lakuan bahasa ramalan melibatkan anggaran tentang masa depan. Jadi, perkataan “dianggarkan” menunjukkan unsur kemungkinan yang menjadi ciri utama lakuan ramalan. Naib Canselor menunjukkan keyakinan dan ramalan ini bertujuan untuk memberi penekanan kepada potensi sumbangan UPSI terhadap pembangunan ekonomi negeri Perak. Ujaran ini bukan sahaja memberikan maklumat, tetapi juga bertujuan mempengaruhi pandangan pendengar mengenai sumbangan positif UPSI kepada masyarakat.

Selain itu, lakuan bahasa pengumuman mempunyai subkategori lain seperti makluman. Subkategori makluman berfungsi untuk memberi maklumat kepada khalayak. Ayat “*Bank dunia telah mengunjurkan bahawa kemelesetan ekonomi akan melanda segenap dunia tidak lama lagi*” tergolong dalam kategori lakuan makluman berdasarkan teori Bach dan Harnish

(1979). Lakuan makluman merujuk kepada tindakan komunikasi yang bertujuan menyampaikan fakta, maklumat, atau pandangan kepada pendengar berdasarkan teori Bach dan Harnish. Konteks ayat ini menjelaskan bahawa Bank Dunia telah mengeluarkan pernyataan mengenai unjuran ekonomi masa hadapan berdasarkan data dan analisis yang telah dijalankan. Maklumat ini disampaikan oleh Naib Canselor dengan tujuan agar pendengar memahami situasi yang diramalkan dan bersedia untuk menghadapi cabaran yang mungkin timbul. Tujuan ujaran ini diungkapkan oleh Naib Canselor untuk memberi amaran atau kesedaran kepada pendengar terutama graduan untuk bertindak seperti berjimat- cermat.

Konteks lakuan pengakuan mempunyai niat komunikasinya tersendiri, iaitu menyampaikan penghargaan atau pengiktirafan terhadap sesuatu yang dianggap signifikan. Jadi, ayat ini diungkapkan oleh Naib Canselor untuk menzahirkan kebanggaan terhadap warisan nusantara, dengan menonjolkan tokoh-tokoh ternama sebagai simbol kejayaan dan kebanggaan bersama. Ayat ini memberi kesan kepada interpretasi pendengar, iaitu mereka cenderung untuk turut memperakui fakta tersebut dan berkongsi rasa bangga terhadap pencapaian tokoh-tokoh ini.

Ujaran yang jelas meunjukkan lakuan pengakuan ialah, “*Setelah bergraduati, adik adik berkemungkinan akan menghadapi situasi yang mencabar*”. Hal ini kerana, ujaran ini diungkapkan bertujuan untuk menyampaikan pengakuan terhadap kemungkinan cabaran dalam alam pekerjaan yang bakal dihadapi oleh graduan. Ayat ini dengan jelas disampaikan oleh Naib Canselor untuk menyampaikan pendapatnya bahawa graduan mungkin akan menghadapi cabaran setelah tamat pengajian. Hal ini bukan sekadar andaian tetapi berasaskan pemahaman tentang realiti dunia luar, seperti persaingan dalam pasaran kerja, dan cabaran ekonomi. Jadi, interpretasi pendengar ialah kesedaran terhadap realiti. Pendengar iaitu graduan akan memahami bahawa kenyataan ini adalah pengakuan tentang cabaran yang mungkin mereka hadapi, menjadikan ujaran ini bersifat informatif dan membina.

Kategori dan Subkategori Pengumuman

JADUAL 5. Subkategori lakuan bahasa pengakuan

Subkategori	Ujaran
Maaf	1. Ampun Tuanku beribu-ribu ampun sembah patik pohon diampun. Patik memohon dengan segala kerendahan hati merafak sembah menyusun kekurangan lisan ini memohon ampun jika terkhilaf bicara, tergelincir kata keampunan patik pinta. (T3NC, A85)
Tahniah	1. Sekalung tahniah wahai sang ayah kerana pada hari ini yang terlalu amat bermakna buat keduanya. (T3NC, A81)
Simpati	1. Biar miskin, biar papa asalkan anaknya menempah kejayaan. Ibu dalam sepi menguntum doa, dalam sedih diusap air matanya, dalam perih ditadah tangannya mendoakan anaknya dirahmati azzawajalla. (T3NC, A76)
Sapaan	1. Anak kandung suluh budiman yang dikasihi sekalian. (T1NC, A57)
Terima Kasih	1. Pastinya, kejayaan manis ini bukanlah semata-mata akan kehebatan kita namun berkat aura dan tulusnya doa insan yang tercinta. (T2NC, A28)
Terima	1. Hidup ini punya pilihan yang akan mencoret sebuah perjalanan. (T2NC, A79)

Jadual 5 menunjukkan contoh bagi setiap subkategori lakuan bahasa pengakuan yang digunakan oleh Naib Canselor dalam ketiga-tiga sidang konvokesyen. Analisis lakuan bahasa pengakuan dalam teks kovokesyen mendapati bahawa terdapat enam subkategori utama yang

digunakan oleh Naib Canselor, iaitu lakukan minta maaf, ucapan tahniah, simpati, sapaan, terima kasih dan terima.

Berdasarkan Teori Bach dan Harnish (1979) lakukan maaf tergolong dalam lakukan pengakuan yang melibatkan pengakuan terhadap kesalahan atau memulihkan hubungan sosial. Lakukan maaf ini menonjolkan pengiktirafan terhadap situasi atau tindakan yang telah berlaku serta komitmen untuk memperbaiki keadaan. Contoh ujaran seperti "*Ampun Tuanku beribu-ribu ampun. Patik memohon dengan segala kerendahan hati merafak sembah menyusun kekurangan lisan ini memohon ampun jika terkhilaf bicara, tergelincir kata keampunan patik pinta.*" termasuk dalam lakukan pengakuan kerana mengandungi unsur pengiktirafan dan permohonan maaf yang bertujuan untuk memperbaiki hubungan sosial serta menunjukkan penghormatan kepada pihak yang lebih tinggi, seperti Canselor Universiti

Konteks ujaran ini memperlihatkan bahawa ayat "*patik memohon dengan segala kerendahan hati*" menunjukkan bahawa Naib Canselor menunjukkan penghormatan yang mendalam kepada pihak lebih berkuasa, iaitu Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak. Penutur iaitu naib Canselor juga berniat untuk menjaga hubungan sosial yang baik dengan permaisuri, serta memperbaiki sebarang ketegangan atau kekeliruan yang mungkin timbul. Interpretasi pendengar dapat dibahagikan kepada dua iaitu permaisuri dan juga hadirin. Permaisuri akan mentafsirkan ucapan ini sebagai pengiktirafan terhadap kedudukannya yang lebih tinggi, sekali gus memperkukuhkan hubungan sosial antara kedua-dua pihak. Audiens pula memahami bahawa ujaran tersebut bukan sekadar ungkapan kosong tetapi satu bentuk penghormatan tinggi terhadap kedudukan permaisuri.

Ucapan Naib Canselor seperti "*Sekalung tahniah wahai sang ayah kerana pada hari ini yang terlalu amat bermakna buat keduanya.*" tergolong dalam lakukan tahniah berdasarkan Teori Bach dan Harnish (1979). Ucapan ini menunjukkan pengiktirafan terhadap kejayaan atau peranan penting seorang individu. Konteks ujaran ini memperlihatkan peranan seorang ayah yang menjadi penyokong atau penggerak kepada suatu pencapaian yang penting. Penutur iaitu Naib Canselor mengiktiraf peranan ayah melalui ujaran ini. Frasa "*Sekalung tahniah wahai sang ayah*" menunjukkan penutur mengiktiraf peranan sang ayah dalam menyokong atau menyumbang kepada suatu peristiwa bermakna. Interpretasi pendengar yang termasuk dalam kategori ayah adalah berasa bangga kerana peranan atau usahanya diiktiraf dalam konteks peristiwa yang menggembirakan.

Prinsip lakukan bahasa Bach dan Harnish (1979) menjelaskan bahawa lakukan simpati berfungsi untuk menunjukkan empati terhadap kesulitan orang lain dengan cara mengakui dan menyatakan keprihatinan terhadap pengalaman atau keadaan mereka. Ucapan ini dengan jelas mengakui keadaan kesulitan atau emosi yang dialami oleh pihak lain, seperti ibu bapa yang berkorban untuk keluarga, isteri yang berasa kesepian, atau anak yang kekurangan kasih sayang. Ujaran tersebut turut menyampaikan rasa empati Naib Canselor terhadap mereka yang terlibat dalam situasi tersebut. Ini adalah ciri khas lakukan simpati, iaitu penutur mengakui dan merasai kesulitan yang dialami oleh orang lain. Impak daripada ujaran ini akan membentuk tindakan atau pemikiran pendengar seperti perasaan dihargai atau difahami. Pendengar ucapan iaitu ibu bapa, isteri, dan anak mungkin akan berasa dihargai kerana keadaan mereka diakui, yang dapat memberikan rasa bahawa penderitaan mereka difahami oleh orang lain.

Ujaran kedua adalah, "*Biar miskin, biar papa asalkan anaknya menempah kejayaan. Ibu dalam sepi menguntum doa, dalam sedih diusap air matanya, dalam perih ditadah tangannya mendoakan anaknya dirahmati azzawajalla.*" Ujaran ini termasuk dalam lakukan simpati kerana ujaran ini mengakui penderitaan dan pengorbanan yang dialami oleh seorang ibu demi anaknya. Berdasarkan Teori Bach dan Harnish (1979), lakukan simpati merujuk pengakuan terhadap kesusahan atau kesedihan yang dihadapi oleh seseorang dan ekspresi

empati terhadap keadaan tersebut. Naib Canselor mengakui pengorbanan seorang ibu dalam menjalani hidup untuk kebahagiaan dan kejayaan dan anaknya.

Ungkapan "*Biar miskin, biar papa*" menggambarkan penghargaan terhadap ibu yang mendahulukan kejayaan anak-anaknya. Kesannya ialah peningkatan kesedaran dalam kalangan pendengar terutama graduan. Ucapan ini memberi kesedaran kepada graduan tentang betapa besarnya pengorbanan yang dilakukan oleh ibu mereka dalam memastikan kejayaan mereka.

Ucapan seperti "*Anak kandung suluh budiman yang dikasihi sekalian*" tergolong dalam lakuan sapaan, kerana melibatkan tindakan untuk menyapa, memberi penghormatan, dan menarik perhatian kepada kelompok atau individu tertentu dalam sesebuah acara atau majlis. Menurut teori lakuan bahasa Bach dan Harnish (1979), lakuan sapaan berfungsi untuk mewujudkan hubungan sosial yang bersifat formal atau hormat, dengan niat mengakui kehadiran atau peranan orang yang disapa. Ketiga-tiga ucapan yang dianalisis menunjukkan bahawa penutur iaitu, Naib Canselor secara konsisten menyapa dan mengakui kehadiran individu atau kumpulan yang dihormati. Sebagai contoh, penggunaan frasa "*anak kandung suluh budiman*" dalam dua ucapan pertama membawa maksud menyapa dan menghormati graduan.

Tidak dinafikan bahawa lakuan terima kasih merupakan bentuk lakuan yang utama dalam pengakuan. Ujaran "*Pastinya, kejayaan manis ini bukanlah semata-mata akan kehebatan kita namun berkat aura dan tulusnya doa insan yang tercinta*" termasuk dalam lakuan terima kasih kerana ujaran ini mengungkapkan penghargaan dan pengiktirafan terhadap sokongan yang diterima, terutamanya dalam bentuk doa dan harapan daripada orang yang disayangi. Hal ini selaras dengan pernyataan Bach dan Harnish (1979) iaitu, lakuan terima kasih ialah tindakan komunikatif yang digunakan untuk menyampaikan rasa terima kasih terhadap sesuatu bantuan atau sokongan yang diterima, baik secara langsung atau tidak langsung.

Naib Canselor mengakui bahawa kejayaan bukan semata-mata hasil usaha peribadi, tetapi juga berkat doa dan sokongan orang yang disayangi. Frasa "*berkat aura dan tulusnya doa insan yang tercinta*" ialah ungkapan terima kasih yang merujuk kepada sokongan emosi dan spiritual yang diberikan oleh orang lain. Walaupun ungkapan terima kasih tidak dinyatakan dengan jelas namun struktur ungkapan ini memberikan penghargaan terhadap peranan orang yang memberikan sokongan moral. Oleh itu, audiens yang mendengar ucapan ini akan berasakan bahawa doa dan sokongan mereka telah memberi kesan yang besar dalam pencapaian kejayaan, meskipun sokongan tersebut tidak bersifat langsung.

Akhir sekali, lakuan terima merupakan subkategori lakuan bahasa pengakuan yang digunakan oleh Naib Canselor dalam teks konvokesyen. Ayat "*Betul, kita adalah warisan. Warisan Ibu Kandung Suluh Budiman.*" merupakan lakuan terima yang digunakan semasa Istiadat Konvokesyen ke-23 sesi 4. Ucapan ini termasuk dalam lakuan menerima kerana ucapan ini mencerminkan penerimaan terhadap suatu fakta atau kenyataan yang tidak boleh dipertikaikan. Teori Bach dan Harnish (1979) menjelaskan bahawa lakuan menerima (*acceptance*) merupakan suatu bentuk pengakuan atau penerimaan terhadap kenyataan, situasi, atau tindakan yang telah berlaku atau diterima. Oleh itu, ujaran ini merupakan lakuan menerima kerana niat penutur adalah untuk mengakui dan menerima bahawa mereka adalah sebahagian daripada warisan budaya yang telah wujud, iaitu Ibu Kandung Suluh Budiman.

Ucapan ini yang menyebut "*warisan Ibu Kandung Suluh Budiman*", jelas berkaitan dengan konteks sejarah dan budaya yang diwarisi oleh masyarakat tertentu. Jadi, pendengar akan mentafsirkan ucapan ini sebagai pengakuan yang mengesahkan kenyataan bahawa mereka adalah sebahagian daripada warisan budaya yang besar. Penerimaan terhadap warisan budaya ini akan mengingatkan mereka tentang pentingnya menjaga dan meneruskan warisan tersebut untuk generasi akan datang.

Akhir sekali, ayat “*Hidup ini punya pilihan yang akan mencoret sebuah perjalanan*” termasuk dalam lakuan menerima kerana ayat tersebut mengandungi elemen pengakuan terhadap realiti hidup dan pilihan-pilihan yang ada dalam perjalanan hidup seseorang. Ucapan ini termasuk dalam lakuan menerima kerana Bach dan Harnish (1979) menyatakan bahawa lakuan menerima ialah tindakan mengakui atau menerima sesuatu yang telah berlaku dalam kehidupan. Konteks ayat ini mencerminkan penerimaan terhadap kenyataan bahawa setiap individu sentiasa berhadapan dengan pelbagai pilihan yang akan mempengaruhi perjalanan hidup. Jadi, penutur ingin menyampaikan bahawa hidup mempunyai pilihan dan setiap individu mesti menerima bahawa mereka mempunyai kebebasan untuk memilih dan membuat keputusan yang membentuk masa depan mereka. Interpretasi positif dilihat melalui ucapan ini, iaitu mereka akan melihat ucapan ini sebagai dorongan untuk menerima dan menghargai pilihan yang dibuat dalam hidup. Hal ini memberi kesedaran bahawa mereka mempunyai kawalan terhadap perjalanan hidup mereka melalui pilihan yang diambil.

JADUAL 6. Subkategori lakuan bahasa perjanjian

Subkategori	Ujaran
Janji	1. Biar tertitis air mata gembira, kelak kalian akan berjaya akhirat dan dunia. (T2NC, A61)

Jadual 6 menunjukkan contoh bagi subkategori lakuan bahasa perjanjian yang digunakan oleh Naib Canselor. Analisis mendapati bahawa terdapat satu sahaja subkategori lakuan bahasa perjanjian yang digunakan oleh Naib Canselor iaitu janji.

Ucapan “*Biar tertitis air mata gembira, kelak kalian akan berjaya akhirat dan dunia*” termasuk dalam lakuan perjanjian kerana ucapan itu mengandungi elemen komitmen dan janji terhadap sesuatu hasil yang diinginkan, iaitu kejayaan di dunia dan akhirat. Menurut Bach dan Harnish (1979), lakuan perjanjian biasanya melibatkan niat penutur untuk menjanjikan sesuatu yang akan berlaku pada masa depan, bergantung pada syarat atau usaha yang dilakukan oleh penerima. Dalam ucapan ini, Naib Canselor memberikan jaminan kejayaan di dunia dan akhirat jika graduan berusaha untuk mencapainya. Jadi, jaminan kejayaan yang diungkapkan oleh Naib Canselor merupakan perjanjian kepada graduan bahawa mereka akan berjaya seandainya diiringi usaha dan doa. Walaupun struktur ayat tersebut tidak menggunakan perkataan “*janji*” namun makna tersirat di sebalik ayat tersebut memfokuskan kepada perjanjian. Interpretasi positif dihasilkan oleh pendengar terutama graduan, iaitu mereka melihat ucapan tersebut sebagai janji bahawa segala usaha mereka akan dibayar dengan kejayaan, baik di dunia mahupun akhirat. Ucapan ini memberikan keyakinan bahawa kegigihan dan usaha mereka tidak akan sia-sia.

Emosi Serta Konteks Pendengar Ucapan Naib Canselor

Dapatan ketiga kajian ini memberikan tumpuan kepada dimensi emosi serta konteks pendengar yang diangkat melalui pertuturan Naib Canselor dalam ucapan konvokesyen. Analisis wacana yang dijalankan menunjukkan bahawa pemilihan lakuan bahasa bukan sahaja berfungsi sebagai medium penyampaian maklumat, bahkan mencerminkan strategi pragmatik yang disandarkan pada keperluan emosi, jangkauan sosial, dan latar penerimaan khalayak. Oleh itu, tema dan subtema berikut dihuraikan bagi memperincikan cara unsur emosi dan orientasi pendengar membentuk lapisan makna dalam keseluruhan struktur ucapan Naib Canselor tersebut.

JADUAL 7. Tema 1: Emosi Pendengar

Subtema	Contoh pandangan pendengar
Sebak / menangis	1. Im crying..., Bende macam ni pun nak nangis. (YT-T1-P) 2. Dengar berair mata, auto sebak. (FB-T2-P)
Terharu	1. Auto sebak tiap kali dengar ucapan. (TT-T3-P)
Bangga	1. I'm proud to be AKSB. (TT-T3-P)

Jadual 7 menunjukkan tema ini menekankan keterlibatan emosi pendengar terhadap ucapan Naib Canselor. Data menunjukkan bahawa pendengar mengalami pelbagai reaksi emosi, seperti rasa sebak, terharu, dan bangga, yang muncul daripada naratif ucapan yang menyentuh aspek kekeluargaan, kejayaan akademik, dan pengalaman peribadi semasa menuntut ilmu di UPSI. Emosi yang ditunjukkan oleh pendengar juga mencerminkan hubungan emosi yang kuat antara pendengar dan institusi.

JADUAL 8. Tema 2: Keindahan Bahasa dan Retorik Ucapan

Subtema	Contoh pandangan pendengar
Bahasa puitis	1. This we call PUITIS. (FB-T2-B)
Susunan bahasa indah	1. Susunan kata yang tersusun cantik Lunak dan beralun. (FB-T2-B)
Kefasihannya & gaya penyampaian	1. Ni style speech yang aku takkan ngantuk dengar. (TT-T3-B)

Tema 2 ini menekankan penghargaan pendengar terhadap keindahan bahasa, gaya retorik, dan struktur ucapan Naib Canselor. Pandangan pendengar menunjukkan bahawa bahasa yang puitis, tersusun, dan klasik bukan sahaja menarik perhatian tetapi juga meningkatkan penghayatan terhadap isi ucapan. Keindahan bahasa juga dilihat sebagai faktor penting dalam membina kredibiliti dan autoriti Naib Canselor sebagai pemimpin akademik.

JADUAL 9. Tema 3: Nilai Kekeluargaan dan Pengorbanan

Subtema	Contoh pandangan pendengar
Pengorbanan ibu bapa	1. Terbayang kesusahan ibu ayah. (FB-T2-N)
Doa & sokongan keluarga	1. Tiada hadiah termahal, melainkan doa seorang ibu. (FB-T2-N)
Harapan untuk anak	1. Semoga anakku berjaya tamatkan pengajian. (YT-T1-N)

Tema 3 menekankan pentingnya naratif kekeluargaan dalam ucapan Naib Canselor sebagai alat membangkitkan empati pendengar. Pandangan menunjukkan bahawa pendengar tersentuh dengan pengorbanan ibu bapa, doa, dan sokongan moral yang diterima semasa menuntut ilmu. Nilai kekeluargaan bukan sahaja meningkatkan resonansi emosi tetapi juga menegaskan aspek sosial dalam pengalaman pendidikan.

JADUAL 10. Tema 4: Nilai Moral, Nasihat & Hikmah

Subtema	Contoh pandangan pendengar
Pesanan mendalam	1. Ilmu yang membezakan. (YT-T1-N)
Motivasi	1. Belajar rajin-rajin tau adik-adik. (FB-T2-N)

Tema 4 menekankan pentingnya naratif kekeluargaan dalam ucapan Naib Canselor sebagai alat membangkitkan empati pendengar. Pandangan pendengar menunjukkan bahawa mereka tersentuh dengan pengorbanan ibu bapa, doa, dan sokongan moral yang diterima semasa menuntut ilmu. Nilai kekeluargaan bukan sahaja meningkatkan resonansi emosi tetapi juga menegaskan aspek sosial dalam pengalaman pendidikan.

JADUAL 11. Tema 5: Nostalgia dan Memori Pengajian

Subtema	Contoh pandangan pendengar
Rindu UPSI	1. Rindu zaman belajar di UPSI. (YT-T1-I)
Kenangan belajar	1. 4 tahun kat UPSI mengejar cita-cita. (FB-T2-I)

Tema 5 ini menekankan hubungan emosional dan sosial pendengar dengan institusi UPSI. Pandangan pendengar mencerminkan rasa bangga sebagai anak kandung suluh budiman dan nostalgia terhadap pengalaman akademik yang membentuk identiti serta jati diri mereka. Naratif ini menunjukkan cara ucapan Naib Canselor memperkuat kesedaran kolektif dan membina semangat komuniti.

JADUAL 12. Tema 6: Penghargaan terhadap Ilmu & Kepimpinan NC

Subtema	Contoh pandangan pendengar
Sanjungan terhadap NC	1. Ucapan yang penuh berilmiah. (YT-T1-B)
Kepimpinan unggul	1. Beginilah bunyi bicara seorang pemimpin unggul. (FB-T2-K)

Akhir sekali, pendengar memberikan penghargaan tinggi terhadap kualiti kepimpinan Naib Canselor dan institusi UPSI. Pandangan mencerminkan kekaguman terhadap kemampuan Naib Canselor menyampaikan ucapan yang berilmiah, puitis, dan berkesan. Tema ini menunjukkan pengaruh kepimpinan akademik dan komunikasi berperanan dalam membentuk persepsi dan penghargaan pendengar.

KESIMPULAN

Kajian ini membuktikan bahawa ucapan konvoquesyen bukan sekadar wacana linguistik biasa semata-mata, tetapi merupakan medium komunikasi rasmi yang sarat dengan nilai linguistik, sosial, dan budaya. Melalui analisis berasaskan kerangka Bach dan Harnish (1979), didapati

empat kategori utama lakuan bahasa, iaitu arahan, pengumuman, pengakuan, dan perjanjian digunakan dengan kadar dan fungsi yang berbeza mengikut konteks majlis. Arahan banyak digunakan dalam ucapan semasa konvokesyen pasca pandemik untuk memberi panduan moral dan motivasi, manakala pengumuman lebih dominan dalam konvokesyen yang melibatkan kehadiran tetamu kehormat kerana menuntut penyampaian maklumat rasmi. Pengakuan pula memainkan peranan penting dalam menzahirkan penghargaan, simpati, dan kesantunan bahasa, manakala perjanjian walaupun jarang digunakan tetap membawa nilai simbolik yang signifikan.

Kepentingan kajian ini terletak pada usaha mendokumentasikan dan meneliti secara sistematik penggunaan lakuan bahasa dalam ucapan konvokesyen, satu genre wacana yang sering diabaikan dalam kajian linguistik tempatan. Dengan meneliti ucapan rasmi ini, kajian ini bukan sahaja menyumbang kepada pengembangan teori tindak tutur dalam konteks Malaysia, tetapi juga memperlihatkan kaedah bahasa berperanan dalam membina identiti institusi, mengukuhkan imej universiti, serta mempertaut hubungan antara pihak pengurusan, graduan, dan masyarakat.

Dari sudut teori, dapatan ini selaras dengan hujah Searle (1969) bahawa tindak tutur boleh dikategorikan kepada representatif, direktif, ekspresif, komisif, dan deklaratif, iaitu setiap ujaran bukan sahaja bersifat literal tetapi membawa implikasi ilokusi yang mempengaruhi tindakan pendengar. Hal ini dapat dilihat dalam penggunaan arahan sebagai direktif, pengumuman sebagai representatif, pengakuan sebagai ekspresif, dan perjanjian sebagai komisif. Pada masa yang sama, kerangka Bach dan Harnish (1979) yang lebih terperinci dengan pecahan subkategori memperlihatkan kekuatan analitiknya dalam mengkaji kepelbagaian ujaran dalam konteks ucapan rasmi. Kedua-dua teori ini saling melengkapi: teori Searle memberikan asas konseptual manakala Bach dan Harnish menawarkan perincian empirikal yang sesuai untuk analisis mendalam.

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini menegaskan bahawa penelitian ucapan konvokesyen melalui lensa teori lakuan bahasa adalah penting sebagai pendedahan cara bahasa berfungsi sebagai instrumen kepemimpinan, medium penghargaan sosial, serta wahana legitimasi budaya. Selain itu, analisis ini juga menunjukkan bahawa bahasa yang digunakan dalam ucapan rasmi mampu membina hubungan emosional dengan pendengar, memupuk identiti bersama, serta menyampaikan nilai moral dan sosial yang mendalam. Dengan kata lain, lakuan bahasa bukan sahaja berfungsi sebagai alat komunikasi, tetapi juga sebagai mekanisme untuk membentuk kesedaran sosial dan mempengaruhi persepsi audiens terhadap institusi dan pemimpin.

RUJUKAN

- Ab. Rahim Md. Yasin. 2016. *Penulisan Dalam Teks Ucapan*. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd: Selangor
- Aminudin Saimon. 2021. Lakuan pertuturan dalam filem Nordin Ahmad. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(1),33–52.
- Aswadi Mohamad & Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2018. Struktur Bahasa Dalam Situasi Banjir di Kelantan dari Sudut Lakuan Pertuturan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 3 (3), 17-25.
- Abd Ganing Laengkang, Rohaidah Haron & Ab Razak Ab Karim. 2019. Lakuan Bahasa Ekspresi Tun Dr. Mahathir: Kajian Kes Terhadap 40 Artikel Chedet.cc. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4 (5), 19-27.
- Abd. Ganing Laengkang, Ab Razak Ab Karim & Riduan Makhtar. 2019. Lakuan Bahasa Kritikan dalam Forum Wacana Sinar Harian. *Jurnal Melayu*, 18(2), 147-163.

- Abdulkarim Fadhil. 2018. A Pragmatic Study of Speech Acts in School Speeches. *Journal of Al-Ustath*, 1(1), 13 – 24.
- Aminuddin Saimon. 2021. Lakuan Pertuturan dalam Filem Nordin Ahmad. *Jurnal Linguistik*, 25 (1), 80-99.
- Alieysa Harun. 2024. Analisis Lakuan Bahasa Terhadap Video Ucapan Naib Canselor Semasa Konvokesyen Universiti Pendidikan Sultan Idris. [Projek Akhir Tahun Sarjana Muda yang tidak diterbitkan]. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Bach, K. & Harnish, R. M. 1979. *Linguistics communication and speech acts*. The MIT Press
- Berelson, B. (1952). *Content Analysis in Communication Research*. Free Press.
- Creswell, J. W. 2014. *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. SAGE Publications.
- Farah Hanani Abdul Rahman, Midiyana Mohamad & Saliza Ismail. 2022. Wacana Kepimpinan Perdana Menteri Malaysia Ke-9: Analisis Kaedah Retorik. *International Journal of Modern Language and Applied Linguistics*, 2(1), 38-56.
- Harshita Aini Haroon, Noor Asliza Abdul Rahim, Noriha Basir & Zaliza Zubir. 2020. Lakuan Ilokusi Ucapan Zahid Hamidi dalam PAU 2017 dan 2018. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 20 (2), 96-114.
- Indirawati Zahid & Muhammad Nasri Selamat. 2022. Lakuan ilokusi dalam kenyataan Perdana Menteri Singapura untuk mengekang penularan COVID-19. *Jurnal Bahasa*, 22(1), 77–104.
- Kurdistan Rafiq & Roberta Youel. 2024. The Use Of Persuasive Strategies In Academic Discourse. *Faculty or Arts University Soran*, 2(1), 2-49.
- Krippendorff, K. 2013. *Content Analysis: An Introduction to Its Methodology* (3rd ed.). SAGE Publications.
- Norazimah Mohd Nawi@Mohd Daud. 2022. Analisis Ujaran Guru Bahasa Melayu Dalam Pengajaran Dan Pemudahcaraan (PDPC) Berdasarkan Metafungsi Interpersonal. [Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nurul Afifah Adila Mohd Salleh, Maslida Yusof & Karim Harun. 2021. Kajian Lakuan Bahasa di Malaysia: Analisis Terhadap Trend Data. *Jurnal Linguistik*, 25 (2), 96-110.
- Nadhirah Borhan. (2023, November 28). Ucapan naib Canselor UPSI Sempena Konvokesyen Tular 366k di Media Sosial. *Suara Merdeka*.
- Searle. J. 1969. *Speech Acts: An Essay in The Philosophy of Language*. New York: Cambridge University Press
- Saimon, A., Licson, L., Mohamad Taufek, N. A., Japar, S. H., & Razali, S. N. A. 2021. Lakuan Bahasa Arahan dalam Teks Ucapan Perdana Menteri berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 63-78.
- Warsidi, W., Syakila, S. N., & Dahniar, D. 2023. *Illocutionary speech acts in Oprah Winfrey's motivational speech: A pragmatic study*. *Journal of English Language Teaching and Linguistics*, 8(1), 79–88.
- Zanariah Ibrahim, Maslida Yusof, & Karim Harun. 2017. Analisis Lakuan Bahasa Direktif Guru Pelatih. *Jurnal Melayu*, 16(2), 163–178.
- Zanariah Ibrahim, Zalifah Sidek, Mohd Hamry Ismail, Zaiton Arshad, Zulaili Bahador. 2022. Impak Lakuan Bahasa Dalam Komunikasi Organisasi: Satu Tinjauan. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 4 (1), 61-71.

Biodata Penulis:

Zuraini Ramli (PhD) ialah pensyarah kanan di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim Perak. Bidang pengkhususan beliau ialah Pendidikan Dwibahasa, Sociolinguistik, Psikologi Terapan.

Nur Alieysa Harun merupakan pelajar tahun akhir major Bahasa Melayu di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim Perak